

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH
[KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 7 MAC 2017

**SOALAN : Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala
Terengganu] minta **MENTERI LUAR
NEGERI** menyatakan apakah status
bilangan pegawai serta kakitangan
kedutaan serta konsul Malaysia di luar
negara.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu di atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman pihak Yang Berhormat, sehingga bulan Februari 2017, seramai 467 pegawai dan kakitangan Kementerian Luar Negeri kini sedang berkhidmat di pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di luar negeri. Jumlah ini adalah 33 peratus daripada jumlah keseluruhan 1,396 pegawai dan kakitangan Kementerian. Mereka turut dibantu oleh sejumlah 1,140 Kakitangan Ambilan Tempatan (KAT) di luar negeri.

3. Selain itu, Kementerian mempunyai 21 pejabat Konsulat Jeneral serta dua (2) pejabat Konsul daripada jumlah keseluruhan 107 pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia yang beroperasi di luar negeri.

Sekian, terima kasih.